

**SOALAN NO : 6**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN LIM GUAN ENG (BAGAN)**

**TARIKH : 30 SEPTEMBER 2021 (KHAMIS)**

**SOALAN**

**Tuan Lim Guan Eng [ Bagan ] minta MENTERI PENGANGKUTAN menyatakan status kehilangan pelaburan luar negeri daripada projek Apricot, Facebook dan Google dan anggaran RM12-15 bilion oleh MDEC ekoran dasar Kerajaan PN yang membatalkan pengecualian kbotaj untuk syarikat teknologi tinggi yang diberikan oleh Kerajaan PH.**

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Semasa ucapan penggulungan Titah di-Raja Kementerian Pengangkutan pada 22 September 2021, pengecualian Dasar Kabotaj yang diberikan untuk aktiviti pemasangan kabel dasar laut sebelum ini hanyalah merujuk kepada pengecualian ke atas proses pengesahan ketiadaan kapal tempatan yang perlu diperolehi oleh kapal asing sebelum memohon *Domestic Shipping License* (DSL).

Apa yang berlaku ialah semasa pengecualian diberikan, DSL hanya dipohon setelah sesebuah kapal asing masuk ke perairan Malaysia. Kementerian Pengangkutan berpandangan adalah lebih elok dan teratur permohonan DSL dibuat terlebih dahulu sebelum sesebuah kapal asing memasuki perairan Malaysia. Ini soal kedaulatan negara.

Walaupun pengecualian tersebut telah dibatalkan, kapal-kapal asing yang terlibat dengan pemasangan kabel dasar laut masih boleh beroperasi di perairan Malaysia. Ini dibuktikan dengan kelulusan sepuluh (10) DSL kepada dua (2) buah kapal asing iaitu ASEAN Explorer dan ASEAN Restorer bagi tempoh Disember 2020 sehingga Ogos 2021. Malahan kelulusan DSL telah diberikan dalam tempoh 3 hari sahaja berbanding 5 hingga 7 hari yang diambil sebelum ini ketika pengecualian tersebut berkuatkuasa pada zaman Kerajaan Pakatan Harapan.

Balik kepada soalan Yang Berhormat Bagan, Projek Apricot adalah projek pemasangan kabel, baik semasa zaman pemerintahan BN, PH atau Kerajaan sekarang, di mana polisinya tetap sama iaitu masih tertakluk kepada Dasar Kabotaj yang diamalkan sejak tahun 1980. Pembatalan Pengecualian Dasar Kabotaj sekarang hanyalah kepada kerja pemasangan kabel dasar laut ini dan ianya tidak menghalang kemasukan pelaburan asing dalam industri digital. Ini dapat dilihat melalui pelaksanaan projek kabel dasar laut baharu seperti MIST Cable System yang menghubungi Malaysia, Singapura, Myammar, Thailand dan India serta India-Asia Xpress Cable System.

## **SOALAN NO : 6**

Sistem kabel dasar laut Apricot akan menghubungkan Singapura, Jepun, Guam, Filipina dan Indonesia. Sepertimana yang telah diumumkan oleh syarikat Arus Restu Sdn. Bhd., iaitu syarikat tempatan yang bertanggungjawab membina stesen pendaratan kabel dasar laut untuk sistem kabel MIST di Selangor pada 23 Ogos 2021, sistem kabel MIST akan disambungkan dengan sistem kabel Apricot untuk menyediakan laluan alternatif yang menghubungkan pelbagai bandar utama di Asia Pasifik dengan selamat dan meningkatkan lagi kapasiti internet di rantau ini. Penghubungan kedua-dua sistem ini juga akan menyambungkan Malaysia secara terus dengan Guam, Japan dan Taiwan.

Berdasarkan hasil perbincangan dalam mesyuarat yang dilaksanakan oleh KKMM berhubung perkara ini pada 9 September 2021, penglibatan atau ketidak penglibatan Malaysia dalam Projek Apricot, atau projek-projek lain adalah berdasarkan kepada pelbagai faktor, termasuk tawaran yang diberikan dan syarat yang ditetapkan oleh *Tech Giant*. Oleh yang demikian, pelaksanaan Dasar Kobotaj tidak wajar dipersalahkan sebagai satu-satu faktor sahaja apabila Malaysia tidak terlibat dalam projek tersebut apatah lagi projek Apricot adalah projek pemasangan kabel yang tertakluk kepada pematuhan dasar kobotaj sejak 1980 termasuk zaman pemerintahan PH pun tidak memindanya.

Kementerian Pengangkutan akan terus menambah baik sistem penyampaian perkhidmatan yang telah dilaksanakan ke atas proses permohonan DSL melalui penaiktarafan Sistem *Electronic DSL* (eDSL). Kementerian juga berpandangan bahawa Kerajaan perlu mengimbangi inisiatif dan usaha pelaburan digital pihak luar dengan usaha-usaha membina kapasiti industri perkapalan tempatan; mengurangkan kebergantungan negara kepada kapal asing serta memastikan keselamatan dan kedaulatan negara terjamin, agar tidak menjaskan kepentingan negara.